

📅 Jumaat, Apr 13 2018

BR1M bukan senjata politik

UM 13/4

LANGKAWI 12 April - Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan bahawa Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) merupakan manifesto kejayaan kerajaan Barisan Nasional (BN) dalam menguruskan ekonomi negara dan bukannya senjata politik seperti tohmahan pembangkang.

Perdana Menteri berkata, perkembangan ekonomi baik dapat memastikan hasil pendapatan yang diperoleh dikongsi bersama rakyat melalui bantuan itu.

“Kita buat BR1M kerana nak tolong rakyat, bukan apa, semua dapat, yang sokong BN dapat, tak sokong pun dapat.

“Ini bukan senjata politik, ini prinsip pengagihan

kekayaan negara, kita ambil cukai daripada pelbagai hasil negara seperti minyak dan sebagainya, bagi kepada rakyat. Apa salahnya," katanya ketika berucap dalam Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) di sini hari ini.

Najib berkata, penambahan BR1M yang diumumkan baru-baru ini dibuat kerana kecekapan kerajaan BN menguruskan ekonomi negara.

"Apabila ekonomi kita berkembang dan dasar membawa kadar pertumbuhan tinggi, tahun lalu 5.9 peratus, hasil negara bertambah, hutang negara menguncup 50.8 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), zaman pemimpin 22 tahun itu pernah mencecah 103 peratus daripada KDNK," katanya.

Najib menambah, manifesto BN yang dibentangkan beliau itu bersifat realistik dengan tidak menjanjikan sesuatu yang boleh mendatangkan kemudharatan terhadap ekonomi negara.



.....